

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 1)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

baik	dan	dengan	kucing
lebat	manja	nama	pula

Raihan ada dua ekor kucing, sekor jantan dan seekor betina. Warna bulu (1)_____ jantan itu kelabu dan yang betina pula berwarna perang.

Kucing-kucing itu comel (2)_____ sangat manja. Raihan suka bermain (3)_____ kucing-kucingnya itu. Kucing-kucing itu diberi (4)_____ Pussy dan Putih.

Raihan sayang kucing-kucingnya itu. Dia jaga kucing-kucing itu dengan (5)_____. Raihan beri kucing-kucingnya minum susu dan makan biskut kucing.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 2)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

dia	katil	lantai	memberi
membuat	mereka	selama	penyakit

Pada hari Sabtu lepas, Mira dan adiknya pergi ke hospital untuk melawat neneknya yang sakit. Neneknya, menghidap (1)_____ jantung. Mereka pergi bersama ibu bapa (2)_____.

Semasa berada di dalam wad, Mira lihat neneknya terbaring di (3)_____. Seorang jururawat sedang (4)_____ neneknya makan ubat. Neneknya mesti dirawat di hospital (5)_____ dua hari lagi. Mira tidak boleh berada lama di situ kerana neneknya perlu banyak berehat.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 3)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

basikal	kolong	pintu	sakit
siku	tangan	tangga	untuk

Jali baru pulang setelah berbasikal dengan kawan-kawannya. Dia duduk berehat di (1)_____ bloknya sebelum naik ke rumahnya. Jali terurut-urut sikunya yang sakit sambil berehat. Jali terjatuh daripada (2)_____nya semasa bermain dengan Wira dan Udin tadi. Setelah lima minit, Jali pun tolak basikalnya perlahan-lahan ke lif (3)_____ naik ke rumahnya di tingkat 8.

Jali tunjuk sikunya yang (4)_____ kepada ibunya. Ibunya lihat (5)_____ Jali itu bengkok. Ibunya ambil minyak urat lalu mengurut siku Jali itu.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 4)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

 baca	 di	 dipinjam	 ke
 main	 pada	 pergi	 rajin

Wadi berusia lapan tahun. Dia murid Darjah 2. Wadi pandai dan (1)_____ belajar. Wadi suka (2)_____ buku-buku cerita. Wadi suka (3)_____ ke perpustakaan sekolahnya untuk baca dan pinjam buku.

Pada hari Sabtu, Wadi dan kakaknya akan pergi (4)_____ Perpustakaan Woodlands yang dekat dengan rumah mereka. Mereka akan pulangkan buku-buku yang (5)_____ pada minggu lepas. Mereka akan pinjam buku-buku untuk dibaca di rumah.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 5)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

bersama	di	gemar	gembira
ke	pada	sedih	seperti

Encik Malik dan Cik Juriah sangat sayang akan dua orang anak mereka itu. Anak-anak mereka, Wadi dan Wati, pandai, rajin belajar dan (1)_____ baca buku. Setiap hari selepas makan malam, mereka berempat akan duduk (2)_____ ruang tamu. Mereka akan baca buku (3)_____. Wadi dan Wati berasa (4)_____ ibu bapa mereka baca buku bersama mereka.

Wati bercita-cita untuk menjadi seorang guru (5)_____ ibunya. Wadi pula mahu menjadi pegawai polis seperti ayahnya.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 6)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

dan	dekat	dengan	di
jauh	lihat	lintas	nampak

Suri hendak pergi ke sekolahnya. Suri berjalan kaki ke sekolahnya. Sekolahnya (1)_____ dengan rumahnya. Apabila Suri sampai di suatu simpang jalan berdekatan (2)_____ sekolahnya, dia berdiri di tepi simpang jalan raya. Dia (3)_____ lampu trafik untuk melintas jalan raya. Dia tunggu orang hijau menyala sebelum (4)_____ supaya selamat.

Semasa Suri tunggu lampu trafik orang hijau menyala, seorang nyonya tua berdiri (5)_____ sebelahnya. Nyonya tua itu tidak kuat berjalan. Suri bantunya melintas jalan raya dengan selamat.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 7)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

dalam	di	kotor	lantai
lihat	masa	sekolah	tolong

Siti baru berumur lapan tahun. Dia sangat suka (1)_____ ibunya buat kerja-kerja di rumah. Siti selalu tolong ibunya mencuci pakaian (2)_____. Pakaian kotor akan dicuci (3)_____ sebuah mesin pencuci. Selain itu Siti akan mengemop (4)_____ rumahnya, cuci bilik-bilik air dan kemas bilik-bilik.

Ibu Siti selalu pesannya supaya buat kerja-kerja itu dalam (5)_____ lapangnya. Siti mesti rajin belajar dan buat kerja-kerja sekolahnya terlebih dahulu.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 8)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

bersama	di	guru	jururawat
ke	pada	selama	supaya

Munir tidak ada adik-beradik. Dia tinggal bersama ibu bapanya **(1)**_____ Pasir Ris. Nenek Munir juga tinggal **(2)**_____ mereka. Mereka baru tinggal di Pasir Ris **(3)**_____ dua tahun. Dahulu mereka tinggal di Siglap.

Ibu dan bapa Munir beli rumah di Bedok West itu **(4)**_____ senang mereka pergi ke tempat kerja mereka. Bapa Munir bekerja di Lapangan Terbang Changi. Ibu Munir pula seorang **(5)**_____ di Hospital Changi. Sejak mereka tinggal di Pasir Ris, ibu dan bapanya senang pergi ke tempat kerja mereka.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 9)**

ARAHAN : Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

anak	bulan	gembira	pergi
sayang	sedih	sudah	tahun

Haji Sudin bekas seorang guru sekolah rendah. Dia sudah berumur lebih daripada 70 **(1)**_____. Haji Sudin tinggal bersama **(2)**_____ lelakinya, Encik Aziz. Encik Aziz pegawai bank yang **(3)**_____ beristeri dan ada seorang anak bernama Ramli.

Haji Sudin sangat **(4)**_____ akan cucunya, Ramli. Setiap pagi sebelum Ramli **(5)**_____ ke sekolah, Haji Sudin akan bersarapan yang disiapkan oleh ibu Ramli bersama Ramli. Selepas bersarapan, Haji Sudin akan temankan Ramli ke sekolahnya.

PENYESUAIAN KATA : PROSEDUR CLOZE**PROSEDUR CLOZE (Latihan 10)**

ARAHAN: Isikan tempat kosong dalam petikan di bawah ini dengan perkataan yang sesuai. Pilih jawapan kamu daripada senarai yang diberi di bawah ini. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

baru	gembira	pertama	sedih
sudah	sungguh	tadika	tidak

Hari itu, sekolah dibuka semula bagi tahun baru. Hani terlompat-lompat **(1)**_____ kerana ibunya akan bawanya ke sekolah. Hari itu, hari **(2)**_____ Hani akan mula belajar dalam Darjah 1. Hani **(3)**_____ takut. Dia sudah belajar di **(4)**_____ selama dua tahun.

Hani sudah pandai baca dan kira. Ibu dan bapanya **(5)**_____ ajar Hani baca dan kira semasa Hani berumur 4 tahun. Walaupun Hani baru dalam Darjah 1, dia sudah boleh baca buku-buku untuk darjah-darjah yang lebih tinggi.